

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 14 JANUARI 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Perhebatkan promosi, publisiti bidang sains – Dr. Ahmad	Bernama.com
2.	Isu Kalimah Allah di Selangor: jangan salahkan Kerajaan Persekutuan – Jamil khir	Bernama.com
3.	Latihan khas hadapi bencana	Berita Harian
4.	KKMM perlu menjadi sebuah Kementerian strategik – Ahmad Shabery	Bernama.com



## **Perhebatkan Promosi, Publisiti Bidang Sains - Dr Ahmad**

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Profesion dalam bidang sains perlu ditonjolkan sebagai kerjaya menarik untuk mendorong kanak-kanak di negara ini berminat menjadi saintis, kata **ketua pegawai eksekutif Akademi Sains Malaysia (ASM) Dr Ahmad Ibrahim.**

Beliau berkata antara faktor yang menyebabkan minat kanak-kanak terhadap sains menurun ialah persepsi bahawa sains adalah subjek susah dan tidak menjanjikan kerjaya menarik.

"Faktor inilah yang menyebabkan jumlah pelajar aliran sains di sekolah menurun sejak beberapa tahun lepas," katanya kepada Bernama selepas ceramah bertajuk 'Pengalaman Saya menjadi Saintis' oleh pemenang hadiah Nobel Prof Lee Yuan Tseh di Galeri Petronas, Suria KLCC, di sini Isnin.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr Ahmad berkata jumlah pelajar yang memilih aliran sains menurun dan cara perlu dicari untuk menggalakkan pelajar memilih subjek itu.

Walaupun Rangka Tindakan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang dilancarkan tahun lepas antara lain bertujuan meningkatkan minat kanak-kanak terhadap sains, namun ia mengambil masa untuk mencapai sasarannya, kata beliau.

Dr Ahmad berkata ASM komited terhadap usaha meningkatkan minat pelajar dalam bidang sains dengan menganjurkan pelbagai pameran dan program.

Minggu kepas, Bernama melaporkan bahawa berdasarkan kaji selidik Adecco Malaysia, menjadi pelakon merupakan pilihan utama kanak-kanak di negara ini yang berusia tujuh hingga 14 tahun.

Menurut kaji selidik itu, 12 peratus kanak-kanak berkata mereka bercita-cita menjadi pelakon kerana ingin terkenal.

'Glamour', pakaian cantik, kerja mudah, pendapatan lumayan dan mempunyai ramai pengikut dalam media sosial yang akan mereka nikmati adalah faktor yang menarik minat kanak-kanak untuk terlibat dengan dunia hiburan.

Ceramah hari ini diadakan bersempena pameran 'Sketches of Science' di Galeri Petronas dari 12 Dis 2013 hingga 31 Jan 2014.

Dalam ceramahnya, profesor kelahiran Taiwan yang memenangi hadiah Nobel Kimia pada 1986 itu berkata pelajar Asia perlu mananam semangat 'berani untuk mempunyai kelainan'.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 14 JANUARI 2014 (SELASA)**



## **Isu Kalimah Allah Di Selangor: Jangan Salahkan Kerajaan Persekutuan - Jamil Khir**

MELAKA, 13 Jan (Bernama) -- Semua pihak diingat agar tidak menuding jari menyalahkan kerajaan Persekutuan berhubung isu penguatkuasaan larangan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam di Selangor, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata segala penguatkuasaan serta tindakan berkaitan undang-undang syariah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, dan kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan.

"Saya harap mereka yang cuba tuduh macam-macam kepada kerajaan (Persekutuan) mengenai isu kalimah Allah di Selangor, kena faham betul-betul... untuk tujuan ambil tindakan undang-undang syariah, peringkat negeri punya kuasa, seperti ajaran sesat atau syiah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Muamalah Islam di Masjid Al-Azim hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron, **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** serta Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Sehubungan itu, Jamil Khir meminta semua pihak menghentikan tohmahan yang mengatakan kerajaan Persekutuan cuba memainkan isu kalimah Allah di Selangor untuk kepentingan politik.

"Memperguna isu untuk salahkan orang lain bukan pegangan dan ajaran Islam sebenar, sebagai orang Islam, sepatutnya kita bersama bukan saling menyalahi antara satu sama lain," katanya sambil menambah umat Islam di negara ini, tanpa mengira fahaman politik, perlu bersatu menghadapi musuh yang mengancam kesucian Islam itu sendiri.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 12  
TARIKH: 14 JANUARI 2014 (SELASA)

## Latihan khas hadapi bencana

**Rantau Panjang:** Agensi kerajaan dan penduduk yang sering terjejas bencana banjir akan diberikan latihan khas bagi memastikan mereka sentiasa bersedia menghadapi bencana itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata langkah itu akan dilaksanakan di seluruh negeri bagi meningkatkan kesedaran penduduk setiap kali berdepan bencana itu.

"Kerajaan mahu rakyat bersedia untuk berpindah lebih awal sebaik mengetahui ramalan cuaca yang menjangkakan banjir bakal melanda," katanya pada sidang media di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Gual Tinggi, di sini.

Katanya, latihan seumpama itu sudah pun dilaksanakan di Sabah dan akan diperluas ke seluruh negeri segera.

Beliau berkata, pelaksanaan latihan itu lebih menumpukan kepada memupuk kesedaran penduduk supaya bersedia berpindah dan tidak hanya tunggu dan lihat sebelum berpindah ke pusat pemindahan biarpun amaran sudah dikeluarkan.

"Sebagai contoh, jika **Jabatan Meteorologi** meramalkan hujan berlarutan akan menyebabkan banjir di beberapa kawasan, penduduk sudah boleh mula berpindah, tidak lagi tunggu sehingga air naik," katanya.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 14 JANUARI 2014 (SELASA)**



## **KKMM Perlu Menjadi Sebuah Kementerian Strategik - Ahmad Shabery**

PUTRAJAYA, 13 Jan (Bernama) -- Warga kerja Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dinasihatkan supaya bekerja dalam satu pasukan untuk menjadikan KKMM sebuah kementerian strategik yang menyelaras dan menghubungkan semua kementerian lain dalam konteks penyampaian maklumat dan komunikasi.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata beliau percaya semua warga KKMM mempunyai kepintaran dan kekuatan bagaimana untuk meletakkan KKMM diiktiraf sebagai kementerian yang strategik.

"Maka untuk mencapai matlamat berkenaan, semua warga KKMM perlu membina hubungan yang baik dengan warga kementerian-kementerian lain," katanya dalam ucapan amanat pada perhimpunan bulanan kementerian itu di sini Isnin.

Turut hadir Timbalan Menteri KKMM Datuk Jailani Johari, Ketua Setiausaha baharu KKMM Datuk Seri Abd Rahim Mohd Radzi, Timbalan Ketua Setiausaha II Datuk Che Azemi Haron dan Pengurus Besar Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Datuk Yong Soo Heong.

"Saya telah memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa bahawa saya mahu meletakkan KKMM sebagai sebuah kementerian yang strategik," kata Ahmad Shabery.

Sehubungan itu, Ahmad Shabery berkata beliau memberi masa antara dua hingga tiga bulan kepada Abd Rahim untuk menyesuaikan diri dan berperanan dalam membantu KKMM untuk mewujudkan persepsi positif rakyat terhadap program-program yang dilaksanakan kementerian.

Oleh itu beliau mengingatkan semua warga KKMM supaya bekerja dan menjalin hubungan baik dengan rakan sekerja.

"Cuba elak daripada wujudnya konfrontasi (perselisihan faham), kerana setiap pekerja pasti mempunyai perwatakan yang berbeza," katanya.

Ahmad Shabery turut membidas mereka yang mempersoal tindakan kerajaan memberikan televisyen kepada mangsa banjir baru-baru ini kerana set televisyen bukannya barang mewah tetapi medium komunikasi penting terutama kepada Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) dan agensi-agensi kerajaan lain untuk menyalurkan maklumat.

Televisyen adalah antara medium komunikasi yang mampu memberi pulangan strategik iaitu memperjelaskan mengenai isu-isu semasa yang sering dibangkitkan untuk mengkritik kerajaan, katanya.

"Selain itu, penggunaan TV digital sepenuhnya di seluruh negara pada masa depan membolehkan KKMM melakukan kaji selidik terhadap trend dan kesukaan penonton TV tanpa perlu menggunakan khidmat kajian oleh penyelidik pasaran, AC Nielsen, pada masa depan," kata Ahmad Shabery.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan **Sijil Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi skop 'Pemasaran Maklumat mengenai Dasar-Dasar Kerajaan' oleh Sirim QAS International Sdn Bhd** yang diperolehi Jabatan Penerangan Malaysia untuk tempoh 4 Sept 2013 hingga Julai 2016 kepada Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Datuk Ibrahim Abdul Rahman.

Selain itu, KKMM yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) turut diumumkan memenangi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan indeks Akauntabiliti tahun 2012 oleh Jabatan Audit Negara.

Anugerah berkenaan diterima oleh Abd Rahim bagi pihak KKMM.

-- BERNAMA